

# Dekati pelajar luar bandar

*Usim anjur program Selangkah Ke Universiti di kampus induk, baru-baru ini*

>>Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaizarusmin@nmetro.com.my

**U**NIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) melakukan pendekatan baru dengan menganjurkan program 'Selangkah Ke Universiti' untuk pelajar luar bandar sebagai sebahagian aktiviti khidmat masyarakat, baru-baru ini.

Program sehari itu memberi peluang pelajar merasai pengalaman baru di kampus induk Usim di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Ia diadakan dengan kerjasama Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri (Bakti) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Muhamad Muda berkata, program berkenaan diharap mampu menjana semangat belajar bersungguh-sungguh di kalangan generasi muda.

Beliau berkata, proses penjaan ilmu wajar dikongsi bersama untuk memupuk budaya kecemerlangan selain pengukuhan jati diri.

"Mereka berpeluang merasai kehidupan di kampus dan ini memberi semangat baru kepada pelajar supaya belajar lebih tekun.

"Saya berharap mereka menjadikan menara gading sebagai matlamat tertinggi dalam perjuangan menuntut ilmu dan kejayaan," katanya.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pendi-



**KAMI JANJI...**  
pelajar berikrar  
untuk belajar  
bersungguh-  
sungguh.

**MESRA...**Hasan  
(dua dari kanan)  
beramah mesra  
dan berkongsi  
pandangan  
dengan pelajar.

dikan Bakti, Datin Sri Azlina Ahmad.

Usim adalah destinasi kedua program selepas UPM, tahun lalu.

Melalui program itu, pelajar dibawa ke universiti dan menjalani proses penerapan serta diberi pendedahan kehidupan kampus.

Seramai 210 pelajar tingkatan empat dari tiga kawasan iaitu Jelebu, Kuala Pilah dan Tampin dipilih menyertai program itu.

Sasaran utama ialah mereka yang tidak mempunyai ahli keluarga dan pernah belajar di universiti, selain berpotensi untuk berjaya.

Pelbagai program menarik disusun sepanjang program berlangsung antaranya ceramah oleh Dekan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Usim, Profesor Dr Jalani Sukaimi.